

NO. SOALAN: 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]**

TARIKH : 31 JULAI 2017

RUJUKAN : 9988

SOALAN:

**Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan statistik mengenai kes keganasan
rumah tangga dari tahun 2010 hingga 2016.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kes keganasan rumah tangga ditakrifkan sebagai penderaan fizikal atau seksual yang dilakukan oleh ahli keluarga itu sendiri sama ada penderaan oleh suami terhadap isteri atau anak-anak atau kedua-duanya dan penderaan isteri terhadap suami atau anak-anak atau kedua-duanya. Banyak faktor yang boleh dikaitkan dengan perlakuan ini, antaranya tekanan emosi, masalah kewangan, kehadiran orang ketiga dalam keluarga dan sebagainya.

Statistik kes keganasan rumah tangga dari tahun 2010 hingga 2016 mengikut negeri adalah seperti berikut:

KONTINJEN	2010	2012	2013	2014	2015	2016
PERLIS	47	100	91	78	83	119
KEDAH	135	165	288	398	556	575
PULAU PINANG	282	230	240	306	301	258
PERAK	345	315	344	331	263	326
SELANGOR	626	436	512	657	780	938
KUALA LUMPUR	123	271	243	201	208	454
NEGERI SEMBILAN	239	352	503	459	339	323
MELAKA	64	80	95	101	142	98
JOHOR	300	350	583	541	633	671
PAHANG	164	208	165	231	203	279
TERENGGANU	45	138	178	229	255	302
KELANTAN	242	349	413	621	621	686
SABAH	301	214	231	299	351	340
SARAWAK	260	280	237	355	279	427